

23/04/1997

Exco Selangor adakan mesyuarat

SHAH ALAM, Selasa - Badan Perhubungan Umno Selangor mengadakan mesyuarat khas bagi menjelaskan kepada semua Ketua Umno bahagian, Ketua Pemuda dan Ketua Wanita mengenai pertemuan anggota Exco kerajaan negeri Selangor dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Selangor, Datuk Abu Hassan Omar berkata, penjelasan itu perlu supaya semua Ketua Umno bahagian, Ketua Pemuda dan Ketua Wanita mendapat gambaran lebih tepat mengenai pertemuan anggota Exco dengan Perdana Menteri, semalam.

"Ahli Exco yang memberi penjelasan dalam mesyuarat khas itu ialah Datuk Zainal Dahalan, Datuk Mohd Aini Taib dan Datin Paduka Rakibah Ismail," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat khas itu di Bangunan Umno Selangor di sini.

Turut hadir, Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor, Datuk Onn Ismail yang juga Setiausaha Badan Perhubungan Umno Selangor; anggota Exco, yang juga Ketua bahagian Umno Sijangkang, Datuk Abdul Fatah Iskandar manakala anggota Exco yang tidak hadir ialah Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad.

Beliau berkata, seperti penjelasan anggota Exco terbabit, Badan Perhubungan Umno Selangor akur dan menerima siapa sahaja yang dipilih oleh Perdana Menteri sebagai Menteri Besar Selangor.

"Pentadbiran kerajaan negeri dan anggota Exco akan berjalan seperti biasa sehingga Perdana Menteri melantik menteri besar yang baru.

"Cuma tidak ada keputusan dasar dibuat sepanjang tempoh itu," katanya.

Hari ini, akhbar ini melaporkan anggota Exco kerajaan negeri Selangor sepakat untuk menerima siapa sahaja yang akan dilantik Perdana Menteri sebagai Menteri Besar Selangor yang baru.

Kenyataan sebulat suara itu disampaikan oleh semua Exco Selangor kepada Dr Mahathir dalam satu pertemuan di Jabatan Perdana Menteri di sini, semalam.

(END)